

UCAPAN ALUAN
Y.BHG. PROF. DR. RAHA ABDUL RAHIM
NAIB CANSELOR UTeM

PERASMIAN PENUTUP
MICROSOFT PROFESSIONAL PROGRAM DATA SCIENCE

27 Julai 2019 (Sabtu), 10.30 Pagi

Dewan UTeM 1, Kampus Teknologi

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis

RUJUK SALUTASI DI ROSTRUM

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh dan Salam Sejahtera
Salam Melaka Berwibawa, Pintar, Hijau, Bersih.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur kehadiran Allah SWT yang telah mengizinkan kita untuk berkumpul pada pagi ini sempena majlis perasmian penutup **Program Pensijilan Profesional Microsoft Sains Data.**

2. Pertama sekali, saya bagi pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka amat mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Ketua Pengarah, Jabatan Pendidikan Tinggi, kerana sudi meluangkan masa dan hadir bersama-sama kita pada pagi ini. Sokongan berterusan dan kepercayaan penuh yang diberikan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi terhadap UTeM dalam menjayakan program ini amatlah kami hargai.

3. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada 160 orang peserta kohort pertama dan kedua program Pensijilan Profesional Microsoft Sains Data kerana telah berjaya mengharungi program ini selama tempoh enam bulan. Program ini diteruskan lagi dengan penyertaan seramai 74 peserta bagi kohort ketiga, dan secara keseluruhannya program ini telah disertai oleh

peserta dari hampir 17 Universiti Awam seperti **UTeM, UTHM, UnMAP, UMP, USIM, Unisza, UMP,UMS dan pelbagai lagi.** Sebagai makluman, jumlah keseluruhan peserta program ini yang mula diperkenalkan pada Julai 2018 adalah seramai 234 orang peserta. Tahniah diucapkan!

4. Sebagai makluman semua, pada masa ini, Malaysia merupakan satu-satunya Negara di rantau ini yang telah melaksanakan program pensijilan ini sehingga ke tahap projek Capstone dengan jayanya. Diharapkan program bermanfaat seumpama ini dapat dilaksanakan secara berterusan bagi memenuhi keperluan mendesak bidang sains data yang amat diperlukan oleh Negara ini.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

5. Sains Data merupakan satu bidang yang mempunyai kepentingan dan keperluan yang amat kritikal kepada Negara kita khususnya dalam usaha kita mencapai status negara maju terutamanya dalam bidang sains dan teknologi.

6. Menyedari senario ini, UTeM sebagai pusat perkembangan ilmu senantiasanya menyambut baik usaha-usaha murni menerusi penganjuran program seperti ini. Kami percaya pengisian program yang telah dirangka dengan sebaiknya dapat memberi nilai tambah di samping dapat meningkatkan lagi tahap kompetensi para pelajar terutamanya dalam mempersiapkan dan melengkapkan diri bagi

menghadapi cabaran alam pekerjaan yang semakin kompleks pada hari ini dan masa mendatang.

7. Selain daripada itu, UTeM turut senantiasa memastikan program-program akademik yang ditawarkan khususnya dalam bidang ICT kekal relevan dan memenuhi kehendak era revolusi industri 4.0, menerusi semakan silibus program-program ini secara berkala dengan penglibatan dari pelbagai pihak yang berkepentingan. Ini bagi memastinya kandungan pembelajarannya adalah yang terkini dan terkehadapan menepati kehendak pasaran kerja semasa dan pada masa hadapan.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

8. Saya percaya sepanjang program ini berjalan, para peserta telah memperoleh pelbagai ilmu baharu dan pendedahan yang merangkumi aspek pembelajaran di dalam kelas dan secara atalians, pendekatan menerusi latihan amali atau *hands-on*, sesi perkongsian dari wakil industri, penyediaan projek akhir, dan lain-lain lagi.
9. Apa yang diharapkan, agar para peserta dapat mengaplikasikan segala ilmu yang diperolehi dengan sebaik-baiknya dalam mempertingkatkan kualiti diri seterusnya menyumbang terhadap pembangunan Negara kita yang tercinta ini.

10. Selain daripada itu, suka saya mengajak para pelajar yang hadir pada hari ini untuk mengambil kesempatan bertemu rakan industri dan agensi secara terus, menerusi slot khas yang disediakan pada hari ini, bagi meluaskan lagi peluang dan meningkatkan lagi potensi serta kredibiliti diri yang lebih terserlah.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

11. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan UTeM atas kejayaan merealisasikan program ini. Diharapkan pelaksanaan program yang bermanfaat seumpama ini tidak terhenti setakat di sini

sahaja. Saya yakin, dengan permintaan yang semakin meningkat di samping sokongan berterusan daripada pelbagai pihak, program ini dapat diteruskan lagi di masa hadapan. Insya Allah.

12. Akhir kata, saya ingin menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih khususnya kepada Jabatan Pendidikan Tinggi yang telah menyalurkan dana bagi pelaksanaan program ini, selain kepada pihak Microsoft Malaysia dan Iverson di atas inisiatif dan sokongan berterusan sehingga Program Pensijilan Profesional Microsoft Sains Data bagi ketiga-tiga kohort dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Letih berjalan di tengah pekan,
Singgah sebentar membeli roti,
Terima kasih kami ucapkan,
Atas segala jasa dan bakti.

Sekian, terima kasih.